

Jual ubat beracun secara terbuka

Ubat tidak berdaftar, mengandungi racun berjadual dijual di kedai milik warga asing dirampas

■ SITI SHAHROSAMIRAH SHAHARMAN

AYER KEROH - Sebanyak 390 produk ubat-ubatan pelbagai jenama bernilai hampir RM700,000 disyaki mengandungi bahan dicampur racun, kosmetik tidak bernoifikasi dan tidak berdaftar dirampas Jabatan Kesihatan Melaka.

Pengarah Jabatan Kesihatan negeri, Datuk Dr Ghazali Othman berkata, produk ubatan itu dirampas Penguat kuasa Farmasi dan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) negeri dalam 17 serbuan sejak awal tahun ini.

"Hasil serbuan melibatkan 30 anggota dalam Ops Sado, Ops Pembantas Ubat Bangladesh dan Myanmar



Ghazali (tengah) menunjukkan ubat-ubatan yang dirampas pada sidang media, semalam.

(PUBM) dan Ops Sekatan Jalan Raya, kita merampas 275 ubat dan produk tidak berdaftar selain 46 item steroid anabolik.

"Sebanyak 275 ubat-ubatan dan produk tidak berdaftar bernilai RM540,059 dirampas dalam serbuan di empat ke-

dai, dua buah premis stor dan dua kenderaan milik warga asing disyaki menjual produk berkenaan.

"Kesemua item dirampas dalam Ops PUBM pada 22 Mac lalu adalah hasil aduan orang awam dan risikan selama sebulan Pegawai Cawangan

Penguat kuasa Farmasi negeri, membabitkan produk tidak berdaftar dan kosmetik yang tidak bernoifikasi," katanya pada sidang media di Wisma Negeri, di sini, semalam.

Beliau berkata, produk ubat-ubatan tidak berdaftar kebanyakannya adalah racun

berjadual untuk jualan di negara asal iaitu Bangladesh dan Myanmar.

"Ia (produk tidak berdaftar) dibawa masuk serta dijual secara terbuka di kedai runcit dan kedai makan milik warga asing di negara ini," katanya.

Menurutnya, selain itu, produk steroid anabolik bernilai RM128,450 dirampas ketika pemeriksaan di sebuah rumah dan kenderaan di negeri ini pada 2 Februari lalu dalam Ops Sado selepas beberapa siri intipan dan risikan dijalankan selama hampir dua bulan.

Jelas Ghazali, steroid anabolik adalah racun berjadual yang sering disalah guna untuk membina otot dengan cepat, bagi meningkatkan prestasi dan stamina dalam kalangan ahli bina badan dan ahli sukan serta beri kesan sampingan.

"Antara kesan sampingan steroid ialah pendarahan usus, kegemukan, pertambahan selera makan, kerapuhan tulang, ketidakseimbangan hormon dan peningkatan paras gula, kegagalan buah pinggang dan peningkatan risiko pembekuan darah yang boleh menyebabkan kematian.

"Sindrom Cushing juga adalah kesan pengambilan steroid yang boleh meningkatkan hormon cortisol hingga menyebabkan pengumpulan lemak pada perut, wajah berbentuk bulat, pembesaran bahagian belakang badan dan penipisan kulit," katanya.

Katanya, semua kes berkenaan disiasat mengikut Peraturan 7(1)(a) Peraturan Kawalan Dadah & Kosmetik 1984 di bawah Akta Jualan Dadah 1952.